

Ekonomi kita mampu tangani kejatuhan pasaran saham — PM

jam 6. no 1
mi China dan kemungkinan Amerika Syarikat meningkatkan kadar faedah menyebabkan ahli ekonomi menjangkakan ia akan membawa kesan negatif terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Malaysia yang merekodkan pertumbuhan ekonomi 5.2 peratus pada 2003 diunjurkan mencatat peningkatan KDNK antara enam hingga 6.5 peratus pada tahun ini.

Semalam, Indeks Komposit Kuala Lumpur jatuh 12.98 mata kepada 781.05 mata. Corak kejatuhan itu bagaimana-

pun terkawal hari ini apabila ia naik sedikit 2.22 mata untuk ditutup pada paras 783.27 mata.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun tidak menyatakan bila perjumpaan MTEN itu akan diadakan.

“Bila ada nanti, anda akan tahu (tetapi) adalah penting kita dapat tetapkan apakah langkah spesifik yang dapat kita laksanakan.

“Kita perlu pastikan dengan teliti supaya tindakan yang hendak dilaksanakan nanti menepati situasi pada waktu ini,” tegasnya.